




eISSN 2716-6813

9 772716 681002

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 3 | 2022



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 3 | 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the world with data we can trust*”

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 31 Mac 2022.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

KANDUNGAN

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	
08	SOROTAN PENTING	
10	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
12	RENCANA	
21	INFOGRAFIK	
22	PERTANIAN	33
27	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	37
29	PERKHIDMATAN	41
		45
		48
		62
		63
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan siri ketiga Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) pada tahun 2022. Saya berbesar hati mengalu-alukan pengguna dan pembaca untuk menelusuri penerbitan ini yang memaparkan senario ekonomi terkini berdasarkan statistik rasmi makroekonomi yang dikeluarkan oleh DOSM. Edisi ini memfokuskan kepada statistik terkini yang diterbitkan pada Januari 2022 dan beberapa sorotan mengenai statistik akan datang bagi bulan Februari 2022. Di samping itu, edisi ini turut memaparkan artikel khas bertajuk "**Adakah Jualan Runcit Dalam Talian Memberi Impak kepada Pos Kurier?**", yang mengkaji mengenai jualan runcit dalam talian dan kesannya kepada jualan pos kurier.

Mac 2022 menandakan dua tahun selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan virus COVID-19 sebagai pandemik global. Virus ini telah memberi kesan kepada kesihatan dan menyebabkan kematian rakyat, situasi luar jangka terhadap sistem penjagaan kesihatan serta menjelaskan kehidupan dan ekonomi bagi semua negara. Walaupun pandemik tersebut dan impaknya masih meluas, sebahagian besar negara termasuk Malaysia telah mengambil langkah sama ada melonggarkan sekatan COVID-19 atau menarik balik kesemuanya kerana kebanyakan negara kini dalam proses peralihan kepada fasa endemik. Jika diimbau kembali, negara-negara sedang belajar untuk hidup bersama COVID-19 di samping terus memerangi kesannya memandangkan perjalanan untuk mengakhiri virus ini masih panjang.

Dunia dilanda dengan satu lagi berita mengejutkan iaitu konflik geopolitik yang bermula pada penghujung Februari tahun ini. Bencana berkaitan iklim, jangkaan inflasi yang meningkat dan gangguan rantaian bekalan adalah faktor mencabar lain yang berkemungkinan menjelaskan pemulihran ekonomi dengan pertumbuhan ekonomi global dijangka berkembang lebih perlahan pada 4.1 peratus pada 2022. Konflik Russia-Ukraine telah memberi kesan mendadak harga bahan api global di mana harga minyak mentah Brent meningkat melebihi USD100 setong sejak Februari ini. Harga makanan juga dijangka meningkat kerana Ukraine dan Russia merupakan pemain global dalam pasaran agro makanan, mewakili 53 peratus bagi biji dan minyak bunga matahari dan 27 peratus bagi gandum daripada perdagangan global. Sehingga kini, keadaan ini dijangka akan memberi kesan kepada inflasi Malaysia yang telah meningkat sebanyak 2.3 peratus tahun ke tahun pada Januari 2022, melebihi kadar inflasi purata 1.9 peratus dari 2011 hingga Januari 2022. Pada masa yang sama, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan juga melonjak 9.2 peratus tahun ke tahun pada Januari 2022.

Secara keseluruhan, prestasi ekonomi pada Januari 2022 berbanding bulan yang sama pada 2021 menunjukkan arah aliran menaik bagi beberapa petunjuk utama, meskipun dunia dilanda peristiwa yang belum pernah berlaku sebelum ini. Prestasi perdagangan Malaysia kekal teguh dengan peningkatan 24.8 peratus kepada RM203.0 bilion daripada RM162.6 bilion pada Januari 2021. Eksport melonjak 23.5 peratus kepada RM110.7 bilion, lebih tinggi daripada nilai import yang berjumlah RM92.3 bilion dan seterusnya mendorong peningkatan lebihan dagangan sebanyak 10.9 peratus kepada RM18.4 bilion. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mencatatkan peningkatan sebanyak 4.3 peratus, disumbangkan oleh kenaikan indeks Pembuatan (6.8%) dan indeks Elektrik (7.7%). Jualan pembuatan turut menunjukkan prestasi yang baik pada Januari 2022 untuk mencatatkan RM139.0 bilion, didorong oleh Produk Makanan, Minuman & Tembakau (20.6%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (15.7%) dan Produk Elektrik & Elektronik (10.6%). Bagi sektor Perkhidmatan, Perdagangan Borong & Runcit merekodkan RM120.5 bilion yang meningkat 7.7 peratus tahun ke tahun. Ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Runcit yang berkembang 7.3 peratus kepada RM49.0 bilion, Perdagangan Borong bertumbuh 5.7 peratus kepada RM58.6 bilion dan Kenderaan Bermotor melonjak 19.4 peratus atau RM2.1 bilion kepada RM12.9 bilion. Melihat kepada pasaran buruh, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 346.6 ribu orang (2.2%) kepada 16.37 juta orang pada Januari 2022, manakala bilangan penganggur terus menyusut 1.1 peratus kepada 680.4 ribu orang dengan kadar pengangguran direkodkan sebanyak 4.2 peratus.

Pada masa ini, ekonomi Malaysia terus melalui landasan pemulihan secara perlahan, seperti yang ditunjukkan oleh Indeks Pelopor (IP), yang secara konsisten melebihi 100.0 mata dengan mencatatkan 110.1 mata pada Januari 2022. Dari sudut positif, Malaysia sedang dalam proses membuka semula sempadan antarabangsanya, yang seterusnya membawa lebih banyak impak positif ke atas aktiviti berkaitan pelancongan serta pasaran buruh bagi mengatasi isu kekurangan buruh dalam industri tertentu. Walaupun Malaysia kekal optimis dalam pemulihan ekonomi, negara perlu mengambil kira persekitaran global yang tidak menentu berikutan ketidakstabilan geopolitik serta sekatan pergerakan yang berlaku di bandar-bandar China.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


Terima kasih.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN


Mac 2022

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

**SOROTAN
STATISTIK**
EKONOMI MALAYSIA




*Nota: *Italic menjelaskan lanjutan daripada pengumuman utama yang dibuat.*



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

**SOROTAN
STATISTIK**
EKONOMI MALAYSIA





SOROTAN PENTING

- Ekonomi global dijangkakan bertumbuh perlahan kepada 4.1 peratus pada 2022. Pertumbuhan sederhana ini adalah kesan daripada pelbagai gangguan pertumbuhan ekonomi, iaitu penularan varian Omicron, bencana alam, jangkaan peningkatan inflasi dan gangguan kepada rantaian bekalan. Rentetan gangguan ini, peningkatan harga makanan dan tenaga kekal tidak dapat diramalkan untuk tinjauan ekonomi global. Krisis Rusia – Ukraine memburukkan lagi keadaan, yang menyebabkan harga minyak mentah Brent meningkat melebihi USD100 setong sejak Februari 2022.
- Dari segi pengeluaran komoditi, pengeluaran getah asli meningkat 7.3 peratus pada Januari 2022 kepada 49,087 tan metrik berbanding 45,735 tan metrik, pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, pengeluaran getah asli meningkat 17.7 peratus daripada 41,690 tan metrik yang direkodkan pada Disember 2021. Sementara itu, pengeluaran buah tandan segar meningkat 4.2 peratus secara tahun ke tahun kepada 5,973,996 tan metrik pada Februari 2022 berbanding bulan yang sama pada 2021 (5,732,982 tan metrik). Perbandingan bulanan menunjukkan penurunan 6.9 peratus berbanding Januari 2021 (6,419,064 tan metrik).
- Mengukur pretasi output sebenar, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 4.3 peratus pada Januari 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan IPP ini dirangsang oleh kenaikan dalam indeks Pembuatan (6.8%) dan indeks Elektrik (7.7%). Sementara itu, indeks Perlombongan merekodkan penurunan 5.1 peratus.
- Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Januari 2022 berjumlah RM139.0 bilion, berkembang 13.1 peratus (Disember 2021: 15.5%) berbanding bulan yang sama 2021. Pertumbuhan nilai jualan didorong oleh Produk Makanan, Minuman & Tembakau (20.6%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (15.7%) dan Produk Elektrik & Elektronik (10.6%).
- Melihat kepada prestasi sektor Perkhidmatan, jualan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia bernilai RM120.5 bilion pada Januari 2022, dengan pertumbuhan 7.7 peratus tahun ke tahun. Peningkatan Perdagangan Borong & Runcit disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat 7.3 peratus kepada RM49.0 bilion. Perdagangan Borong juga berkembang 5.7 peratus atau RM3.2 bilion kepada RM58.6 bilion. Pada tempoh yang sama, Kenderaan Bermotor melonjak 19.4 peratus atau RM2.1 bilion kepada RM12.9 bilion. Bagi perbandingan bulanan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit susut 0.2 peratus, berikutan kejatuhan 11.5 peratus subsektor Kenderaan Bermotor.
- Pada masa yang sama, inflasi negara pada Januari 2022 meningkat sebanyak 2.3 peratus kepada 124.9 berbanding 122.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya disebabkan oleh kesan asas. Kenaikan ini mele过si purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Januari 2022 (1.9%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan Pengangkutan (6.0%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.6%). Ini diikuti oleh Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.1%), Restoran & Hotel (2.1%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.2%).
- Selain itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan meningkat 9.2 peratus tahun ke tahun pada Januari 2022. Peningkatan ini disokong oleh peningkatan 34.3 peratus dalam indeks Perlombongan, kenaikan 12.5 peratus dalam indeks Pertanian, perhutanan & perikanan, diikuti oleh indeks Pembuatan (7.0%), Bekalan air (1.2%) dan Bekalan elektrik & gas (0.9%).
- Selanjutnya, jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan momentum dua angka pada Januari 2022 dengan peningkatan 24.8 peratus kepada RM203.0 bilion berbanding RM162.6 bilion pada Januari 2021. Eksport bertumbuh 23.5 peratus kepada RM110.7 bilion, melebihi nilai Import yang meningkat 26.4 peratus kepada RM92.3 bilion. Ini telah mendorong lebihan dagangan kepada RM18.4 bilion, yang meningkat 10.9 peratus dari tahun sebelumnya.
- Bagi perkara berkaitan buruh, bilangan tenaga buruh meningkat 346.6 ribu orang (2.2%) kepada 16.37 juta orang pada Januari 2022 berbanding 16.02 juta orang pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Oleh itu,

KPTB meningkat 0.6 mata peratus (Januari 2021: 68.5%). Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan meningkat 1.0 mata peratus tahun ke tahun kepada 66.2 peratus pada Januari 2022.

- Indeks Pelopor (IP) bagi Januari 2022 menjangkakan momentum pemulihan ekonomi Malaysia berterusan pada bulan-bulan akan datang, seperti yang ditunjukkan oleh IP yang secara konsisten melebihi 100.0 mata. IP berada pada 110.1 mata pada bulan rujukan, dengan perubahan tahunan kekal stabil pada 0.02 peratus. Secara bulanan, IP kembali merekodkan pertumbuhan negatif 1.2 peratus daripada 0.5 peratus yang direkodkan pada Disember 2021. Pembukaan semula sepenuhnya sempadan antarabangsa apabila negara memasuki fasa endemik dijangka mengukuhkan pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi mungkin terjejas berikutan konflik geopolitik dan penutupan bandar-bandar utama China berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19.

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Ekonomi Dunia

Pandemik COVID-19 yang berpanjangan telah memasuki tahun ketiga dan bakal membawa kepada peralihan ke fasa endemik tidak lama lagi. Pelbagai risiko gangguan pertumbuhan ekonomi telah dihadapi termasuk penularan varian Omicron, bencana berkaitan iklim, jangkaan peningkatan inflasi dan gangguan rantai bekalan. Di samping itu, harga makanan dan tenaga yang tinggi masih sukar diramal dalam prospek ekonomi global. Situasi ini semakin meruncing berikutan krisis Rusia - Ukraine yang menyebabkan harga minyak mentah Brent meningkat melebihi paras USD100 setong menjelang akhir Februari 2022.

Menurut laporan *Global Economic Prospect* (Bank Dunia, Januari 2022), pertumbuhan ekonomi global dianggarkan menyederhana pada 4.1 peratus bagi tahun 2022. KDNK United Kingdom pada Januari 2022 dianggarkan meningkat 0.8 peratus melebihi paras pra-pandemik COVID-19 (Februari 2020). Pertumbuhan antara bulan Februari 2020 dan Januari 2022 dipacu oleh sektor berkaitan kesihatan manusia dan aktiviti kerja sosial, maklumat dan komunikasi serta aktiviti profesional, saintifik dan teknikal.

Pemulihan ekonomi China lebih baik daripada jangkaan dalam dua bulan pertama 2022. Nilai ditambah bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Pembuatan serta Pengeluaran dan bekalan elektrik, kuasa terma, gas dan air masing-masing meningkat sebanyak 9.8 peratus, 7.3 peratus dan 6.8 peratus. Indeks Pengeluaran Perkhidmatan meningkat 4.2 peratus tahun ke tahun, 1.2 mata peratus lebih tinggi berbanding Disember 2021. Prestasi yang baik ini didorong oleh peningkatan penghantaran maklumat, perkhidmatan perisian dan teknologi maklumat (16.3%) serta perkhidmatan penginapan dan katering (8.2%). Pada dua bulan pertama, jumlah import dan eksport barang negara China mencapai 6,204.4 bilion yuan, meningkat 13.3 peratus tahun ke tahun. Nilai eksport barang berkembang 13.6 peratus manakala nilai import barang bertumbuh sebanyak 12.9 peratus.

Ekonomi Malaysia

Penularan pantas varian baharu Omicron telah mengakibatkan kes harian disahkan mencapai melebihi 10,000 kes sejak Februari 2022. Seluruh negara berada di Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara dan tiada lagi sekatan pergerakan penuh dilaksanakan terhadap sektor ekonomi dan industri, meskipun kes COVID-19 terus merekodkan peningkatan. Prestasi ekonomi Malaysia bagi tahun 2021 memulih kepada 3.1 peratus namun masih berada di bawah paras pra-pandemik 2019 (**Jadual 1**).

Jadual 1: Perubahan Peratusan Tahunan KDNK Malaysia, 2020 & 2021 dan ST1 2020 - ST4 2021 (%)

Aktiviti Ekonomi/ Perbelanjaan	2020	2021	2020				2021			
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
KDNK	-5.6	3.1	0.7	-17.2	-2.7	-3.4	-0.5	16.1	-4.5	3.6
PENGELUARAN										
Pertanian	-2.2	-0.2	-8.6	0.9	-0.3	-1.0	0.2	-1.5	-1.9	2.8
Perlombongan dan Pengkuarian	-10.6	0.7	-2.9	-20.8	-7.8	-10.4	-5.0	13.9	-3.6	-0.9
Pembuatan	-2.6	9.5	1.4	-18.3	3.3	3.0	6.6	26.6	-0.8	9.1
Pembinaan	-19.4	-5.2	-7.9	-44.5	-12.4	-13.9	-10.4	40.3	-20.6	-12.2
Perkhidmatan	-5.5	1.9	3.1	-16.2	-4.0	-4.8	-2.3	13.5	-4.9	3.2
PERBELANJAAN										
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta	-4.3	1.9	6.7	-18.5	-2.1	-3.5	-1.5	11.7	-4.2	3.7
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	3.9	6.6	4.9	2.2	6.8	2.4	5.9	9.0	8.1	4.3
Pembentukan Modal Tetap Kasar	-14.5	-0.9	-4.5	-29.0	-11.4	-11.8	-3.3	16.5	-10.8	-3.3
Eksport	-8.9	15.9	-7.2	-21.7	-4.9	-2.1	11.9	37.4	5.1	13.3
Import	-8.4	18.5	-2.7	-19.7	-7.9	-3.3	13.0	37.6	11.7	14.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Melihat kepada prestasi Januari 2022, pengeluaran getah asli merekodkan peningkatan kepada 49,087 tan metrik (7.3%) berbanding 45,735 tan metrik pada Januari 2021 iaitu meningkat sebanyak 17.7 peratus berbanding bulan sebelumnya. Sementara itu, pengeluaran minyak sawit mentah menyusut kepada 1,253,442 tan metrik (-13.5%) pada Januari 2022 berbanding Disember 2021 (1,449,719 tan metrik).

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Januari 2022 meningkat 13.1 peratus (Disember 2021: 15.5%) dengan jumlah sebanyak RM139.0 bilion berbanding RM122.9 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah dipacu oleh Produk Makanan, Minuman & Tembakau (20.6%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (15.7%) dan Produk Elektrik & Elektronik (10.6%). Bagi pertumbuhan bulan ke bulan, nilai jualan menurun 3.4 peratus berbanding Disember 2021 (RM143.9 bilion).

Pada bulan tersebut, prestasi nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit turut merekodkan pertumbuhan tahun ke tahun yang memberangsangkan iaitu 7.7 peratus kepada RM120.5 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor Kenderaan Bermotor (19.4%), Perdagangan Runcit (7.3%) dan Perdagangan Borong (5.7%). Bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan 135.5 mata dengan pertumbuhan 3.6 peratus. Prestasi positif ini disumbang oleh kenaikan dalam subsektor Kenderaan Bermotor (16.3%), Perdagangan Runcit (3.0%) dan Perdagangan Borong (1.5%).

Di samping itu, prestasi perdagangan Malaysia melonjak 24.8 peratus pada Januari 2022 peratus dengan jumlah sebanyak RM203.0 bilion (Januari 2021: RM162.6 bilion) dan eksport mencatatkan peningkatan 23.5 peratus kepada RM110.7 bilion. Prestasi ini mencerminkan momentum pertumbuhan secara berterusan yang lebih optimistik sejak September 2020. Import turut merekodkan pertumbuhan 26.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Dari perspektif prestasi bulan ke bulan, eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan masing-masing mencatatkan penurunan, iaitu 10.6 peratus, 0.6 peratus, 6.3 peratus dan 40.6 peratus berbanding Disember 2021. Keseluruhan prestasi perdagangan akan terus meningkat berikutan pembukaan semula semua sektor ekonomi yang turut meningkatkan permintaan eksport domestik dan eksport semula.

**Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu),
Januari 1991 - Januari 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pelopor (IP) Januari 2022 menunjukkan momentum pemulihan ekonomi yang perlahan dengan perubahan tahunan IP meningkat 0.02 peratus manakala paras IP kekal melepas paras 100.0 mata dengan merekodkan 110.1 mata pada bulan rujukan. Berasaskan bulanan, IP merekodkan negatif 1.2 peratus daripada 0.5 peratus yang dicatatkan pada Disember 2021. Pembukaan semula sepenuhnya sempadan antarabangsa apabila negara beralih ke fasa endemik dijangka akan mengukuhkan pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi mungkin terjejas berikutan konflik geopolitik dan penutupan bandar utama China akibat peningkatan mendadak kes COVID-19.

ADAKAH JUALAN RUNCIT DALAM TALIAN MEMBERI IMPAK KEPADA POS KURIER?

Sitie Suria Zakaria, Nor Hasnida Mahyudin, Masitah Kamaludin,
Siti Hawa Saadun, Razaman Ridzuan


Bahagian Perangkaan Perkhidmatan, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Walaupun mendepani cabaran COVID-19, industri pos dan perkhidmatan kiriman cepat (pos kurier) yang membentuk 4.9 peratus sumbangan kepada subsektor Pengangkutan & Penyimpanan terus mencatatkan pertumbuhan dua-digit sejak ST1 2020. Pada ST3 2021, industri pos kurier telah merekodkan pendapatan RM1.9 bilion, peningkatan sebanyak 15.6 peratus berbanding suku yang sama pada tahun 2020. Industri ini terus mengharungi cabaran digital seperti kemerosotan perkhidmatan teras yang konvensional iaitu penghantaran mel, serta peningkatan yang mendadak pasaran bungkusan e-dagang. Berdasarkan hasil (2019=100), pos kurier (38.6%) merupakan aktiviti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang paling pesat berkembang pada tahun 2021, manakala subsektor lain iaitu Aktiviti Gudang & Sokongan (-10.0%), Pengangkutan Air (-10.7%), Pengangkutan Darat (-14.6%) dan Pengangkutan Udara (-79.4%) sebaliknya mencatatkan kemerosotan.

Sungguhpun berhadapan kemelesetan ekonomi baru-baru ini, e-dagang terus menunjukkan pertumbuhan yang kukuh. Jualan runcit dalam talian yang menggambarkan aktiviti e-dagang terus berkembang pada kadar yang pantas, hampir dua kali ganda semasa pandemik COVID-19. Indeks runcit dalam talian berkembang pada purata 33.2 peratus antara Mac dan Disember 2020, berbanding 22.4 peratus pada permulaan 2020 seperti ditunjukkan di **Carta 1a**.

Carta 1a: Indeks Jualan Runcit dalam Talian dan Indeks Pos & Kurier, ST1 2015 - ST3 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

E-dagang telah membolehkan perniagaan menjual barang dan perkhidmatan terus kepada pengguna tanpa menyediakan tempat jualan fizikal. Walaupun terdapat produk yang boleh disampaikan kepada pengguna secara digital seperti surat khabar dan tiket penerbangan, kebanyakan produk yang dibeli dalam talian memerlukan penghantaran kepada pengguna secara fizikal.

Adakah jualan runcit dalam talian mempunyai kesan ke atas industri pos kurier? Berdasarkan **Carta 1b**, pertumbuhan tahunan indeks jualan runcit dalam talian dan indeks pos & kurier menunjukkan trend yang hampir sama. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sama ada jualan runcit dalam talian mempunyai kesan ke atas jualan pos kurier.

Carta 1b: Indeks Jualan Runcit melalui Internet berbanding Indeks Pos dan Kurier (Tahun ke Tahun), ST1 2016 - ST3 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SOROTAN KAJIAN

Sejak beberapa tahun lalu, penyelidik telah mula mengkaji kesan aktiviti membeli-belah dalam talian terhadap pengangkutan, termasuk pengangkutan barang. Sebagai contoh, dalam kajian yang dijalankan oleh Jane Gould (1998), penulis meneroka beberapa implikasi pengangkutan yang timbul daripada aktiviti membeli-belah dalam talian. Kebiasaannya, kebanyakan barang dihantar ke kedai fizikal dan pengguna secara fizikal ke kedai untuk membuat pembelian. Tradisi ini mungkin berubah dengan perkembangan aktiviti membeli-belah di rumah secara elektronik, kerana kebanyakan barang boleh dibeli secara dalam talian dan tanpa pengguna perlu pergi ke kedai.

Sementara itu, dalam kajian lain yang dijalankan oleh Rohit Muralidharan (2018) mengenai ‘Kesan E-dagang ke atas Operator Penghantaran Bungkusan di European Union (EU) dan United States of America (USA)’, kajian mendapati bahawa dari semasa ke semasa, e-dagang telah menyebabkan perubahan dalam industri logistik. Ini telah menjadikan pengendali bungkusan menukar kaedah penyelesaian yang diberikan kepada pelanggan serta mengemaskini operasi mereka untuk menampung perubahan yang dibawa oleh e-dagang.

METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk menguji hubungan antara aktiviti pos kurier dan jualan runcit dalam talian. Dalam kajian ini, indeks nilai jualan suku tahunan pos kurier dan jualan runcit melalui internet (jualan runcit dalam talian) dari ST1 2015 hingga ST3 2021 (27 pencerapan) telah digunakan. Kajian ini menggunakan data daripada Survei Perkhidmatan Suku Tahun dan Survei Perdagangan Borong & Runcit Bulanan yang dilaksanakan oleh DOSM. Data tersebut telah ditransformasi dalam bentuk logaritma asli.

Kajian ini dimulakan dengan ujian tahap kepegunaan pemboleh ubah melalui ujian punca unit *Augmented Dickey-Fuller* (ADF). Model *Autoregressive Distributed Lag* (ARDL) pula digunakan untuk mengkaji hubungan pemboleh ubah bersandar (pos kurier) dengan lagnya, dan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu jualan runcit dalam talian.

Model aggaran adalah seperti berikut:

$$\Delta y_t = \beta_0 + \beta_1 x_t + \varepsilon_t$$

Di mana Y ialah pemboleh ubah bersandar, manakala X adalah pemboleh ubah tidak bersandar vektor. Pekali β_0 ialah sebutan pemalar dan ε_t ialah sebutan ralat.

Analisis *Impulse Response Function* (IRF) digunakan untuk mengukur kesan kejutan (kepada sebutan ralat) kepada pemboleh ubah endogen (pos kurier) itu sendiri, di mana IRF mengkaji bagaimana pemboleh ubah endogen bertindak balas. Sementara itu, VD pula bertujuan untuk melihat kesan relatif yang dimiliki oleh pemboleh ubah pada yang lain.

KEPUTUSAN

Berdasarkan analisis korelasi Pearson yang digunakan untuk mengkaji perkaitan antara pemboleh ubah, keputusan menunjukkan terdapat korelasi positif yang kuat antara jualan pos kurier dan jualan runcit dalam talian ($r = +0.99$). Ujian kepegunaan kemudiannya dijalankan dan hasil menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah adalah pegun pada pembezaan pertama. Oleh kerana pemboleh ubah yang dikaji adalah pegun pada pembezaan pertama, pendekatan oleh Pesaran et al. (2001) yang dikenali sebagai pendekatan ARDL telah digunakan. Model ARDL dianggap sebagai kaedah ekonometrik terbaik apabila pemboleh ubah pegun pada $I(0)$ atau bersepadu bagi tertib $I(1)$. Sementara itu, “Schwarz information criterion” menunjukkan bahawa lag optimum adalah pada lag satu. Sebelum mengenalpasti kesan jualan runcit dalam talian terhadap pos kurier adalah penting untuk menggunakan ARDL *Bounds Test* (Pesaran et al., 2001) untuk menguji kointegrasi jangka panjang antara pemboleh ubah. Ujian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan jangka panjang antara jualan pos kurier dengan jualan runcit dalam talian (statistik F $2.38 < 1 (0)$ Bound 4.04). Oleh itu, kajian ini diteruskan dengan hubungan jangka pendek ARDL.

Model ARDL jangka pendek bagi hubungan pos kurier dengan jualan runcit dalam talian ditunjukkan dalam **Jadual 1a**. Pekali ARDL jangka pendek menunjukkan bahawa pos kurier dipengaruhi secara signifikan oleh nilainya pada *lag 1*. Pos kurier turut signifikan dan dipengaruhi secara positif oleh jualan runcit dalam talian pada *lag 1*.

Jadual 1a: Keputusan ARDL, Pemboleh ubah Bersandar – Jualan Pos Kurier

Pemboleh ubah	Pekali	Ralai Piawai	Statistik-t	Nilai Kebarangkali
Pemboleh ubah tidak bersandar:				
D(Y(-1))	-0.45	0.259838	-1.74	0.0960
D(X(-1))	0.41	0.229848	1.76	0.0916
C	3.25	1.097811	2.96	0.0073

Pengiraan Pengarang. Y = Pos kurier, X = Jualan Runcit dalam Talian

* Nota: Signifikan pada 10%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Model penganggaran akhir kajian ini adalah seperti berikut:

$$\text{Jualan pos kurier} = 3.25 - 0.45 (\text{pos kurier}_{t-1}) + 0.41(\text{jualan runcit dalam talian}_{t-1})$$

Berdasarkan model di atas, peningkatan satu unit pertumbuhan pos kurier pada *lag 1* akan menyebabkan pertumbuhan pos kurier menyusut 0.45 peratus. Sementara itu, peningkatan satu unit pertumbuhan jualan runcit dalam talian pada *lag 1* akan menyebabkan pertumbuhan pos kurier meningkat 0.41 peratus.

Selain daripada model ARDL, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji hubungan dinamik antara pemboleh ubah. *Impulse response function* (IRF) dijana untuk mengesan tindak balas pemboleh ubah kepada kejutan. **Carta 1c** menunjukkan tindak balas impuls untuk pos kurier yang dikaitkan dengan jualan dalam talian. Kurier pos akan bertindak balas secara positif walaupun hampir mendatar dan kekal dalam wilayah positif apabila terdapat kejutan dalam jualan runcit dalam talian.

Carta 1c: Impulse Response Function




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam jangka pendek (tempoh 1), pos kurier menerangkan 100% dirinya sendiri. Dalam jangka panjang (tempoh 10), ia masih dominan. Ini menggambarkan pengaruh jualan dalam talian yang sangat lemah terhadap pos kurier pada masa hadapan. Jualan dalam talian bukanlah peramal yang baik untuk jualan pos kurier.

Untuk ujian korelasi bersiri, Ujian LM Korelasi Bersiri Breusch-Godfrey telah digunakan. Keputusan menunjukkan tiada korelasi bersiri (nilai $p > 5\%$). Sementara itu, berdasarkan **Carta 1d**, pemeriksaan visual plot menunjukkan bahawa plot *Cumulative Sum of Recursive Residuals* (CUSUM) berada dalam 5% jalur kritikal atau kekal dalam sempadan kritikal. Ini menunjukkan bahawa anggaran parameter dalam ujian CUSUM adalah stabil sepanjang tempoh sampel dan model lulus Ujian Kestabilan CUSUM.

Carta 1d: CUSUM Test



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KESIMPULAN

Adakah jualan runcit dalam talian mempunyai kesan ke atas pos kurier? Kajian menunjukkan bahawa pertumbuhan pos kurier mempunyai hubungan negatif dengan pertumbuhan dirinya pada *lag* satu. Sementara itu, pertumbuhan pos kurier mempunyai hubungan positif dengan pertumbuhan jualan runcit dalam talian pada *lag* satu. Dalam analisis IRF, keputusan menunjukkan bahawa jika terdapat kejutan dalam jualan runcit dalam talian, pos kurier akan bertindak balas secara positif dalam aliran hampir mendatar. Sementara itu, dalam analisis penguraian varians, keputusan menunjukkan bahawa jualan dalam talian mempunyai pengaruh yang sangat lemah pada pos kurier.

Dalam kajian ini, data indeks jualan runcit dalam talian digunakan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dan dapatkan kajian menunjukkan bahawa indeks runcit dalam talian ini mempunyai pengaruh yang sangat lemah terhadap pos kurier. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, seperti liputan indeks runcit dalam talian yang hanya meliputi pertubuhan yang tidak mempunyai kedai fizikal, sedangkan pos kurier turut menghantar barang dari pada kedai fizikal yang dibeli secara dalam talian. Pos kurier juga terlibat dengan penghantaran dokumen, bukan sahaja barang yang dibeli di kedai. Selain itu, kaedah penghantaran lain seperti bayaran tunai semasa penghantaran (COD) di mana penjual menggunakan khidmat *riders* atau pekerja mereka (tanpa melibatkan perkhidmatan pos kurier) untuk membuat penghantaran juga mungkin memainkan peranan dalam menjelaskan dapatan kajian ini.

Bagi penyelidikan emperikal di masa akan datang, kajian ini mencadangkan penggunaan data e-dagang berbanding data runcit dalam talian. Ini kerana data e-dagang meliputi semua pertubuhan yang terlibat dengan pembelian dalam talian, dan tidak terhad kepada pertubuhan tanpa kedai fizikal.

PENAFIAN

Pandangan yang diutarakan adalah pandangan pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Zainuddin Ahmad atas bimbingan dan usaha beliau dalam membantu menyiapkan artikel ini.

RUJUKAN

- Coakes, S. J. (2005). SPSS: Analysis without Anguish: Version 12.0 for Windows. Wiley.
- Dhrymes, P. J. (1998). Time Series, Unit Roots, and Cointegration. Emerald Group Publishing.
- Gould, J. (1998). Driven to shop?: Role of Transportation in Future Home Shopping. *Transportation Research Record: Journal of the Transportation Research Board*, 1617(1), 149–156.
<https://doi.org/10.3141/1617-21>
- Harun, H. (2010). Understanding Statistics with SPSS: A Friendly Approach. University Publication Centre (UPENA).
- Hatmanu, M., Cautisanu, C., & Ifrim, M. (2020). The impact of interest rate, exchange rate and European business climate on economic growth in Romania: An ARDL approach with structural breaks. *Sustainability*, 12(7), 2798. <https://doi.org/10.3390/su12072798>
- Izzah, N. (2016). Relationship-Courier Partner Logistics and E-Commerce Enterprises in Malaysia: A Review. *Indian Journal of Science and Technology*, 9(1), 1–10. <https://doi.org/10.17485/ijst/2016/v9i9/88721>

Malaysia, D. (2020). Quarterly Services Statistics, Department of Statistics, Malaysia

Malaysia, D. (2020). Performance of Wholesale & Retail Trade. Department of Statistics, Malaysia

Morganti, E., Seidel, S., Blanquart, C., Dablanc, L., & Lenz, B. (2014). The impact of e-commerce on final deliveries: Alternative parcel delivery services in France and Germany. *Transportation Research Procedia*, 4, 178–190. <https://doi.org/10.1016/j.trpro.2014.11.014>

Muralidharan, R. (2018). The Impact of E-Commerce on Parcel Shipping Operators in The EU and The US. Norrkoping, Sweden. Retrieve from <https://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:1195625/FULLTEXT01.pdf>

Nemoto, T. J. Visser and R. Yoshimoto. (2001). Impacts of Information and Communication Technology on Urban Logistics System

Pesaran, M. H., Shin, Y., & Smith, R. J. (2001). Bounds testing approaches to the analysis of level relationships. *Journal of Applied Econometrics*, 16(3), 289–326. <https://doi.org/10.1002/jae.616>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



StatsMalaysia
www.dosm.gov.my

#KELUARGA
MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA


SIRI 3/ 2022

Nilai Jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit

Jan 2022: RM120.5b ▲ 7.7%
Dis 2021: RM120.6b ▲ 3.6%

Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Feb 2022: 5,973,996 tan metrik ▲ 4.2%
Jan 2022: 6,419,064 tan metrik ▲ 6.9%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

Jan 2022: RM139.0b ▲ 13.1%
Dis 2021: RM143.9b ▲ 15.5%

Pengeluaran Getah Asli

Jan 2022: 49,087 tan metrik ▲ 7.3%
Dis 2021: 41,690 tan metrik ▼ -16.3%

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Jan 2022: ▲ 4.3%
Dis 2021: ▲ 5.9%

SEKTOR LUARAN



Eksport

Feb 2022: RM102.3b ▲ 16.8%
Jan 2022: RM110.7b ▲ 23.5%
Dis 2021: RM123.8b ▲ 29.2%



Import

Feb 2022: RM82.5b ▲ 18.4%
Jan 2022: RM92.3b ▲ 26.4%
Dis 2021: RM92.9b ▲ 23.6%

PASARAN BURUH



Bilangan Penduduk Bekerja

Jan 2022: 15.69 juta orang ▲ 2.9%
Dis 2021: 15.65 juta orang ▲ 2.8%



Kadar Pengangguran

Jan 2022: 4.2%
Dis 2021: 4.2%

HARGA



Indeks Harga Pengguna (IHP)

Feb 2022: ▲ 2.2%
Jan 2022: ▲ 2.3%
Dis 2021: ▲ 3.2%




Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

Feb 2022: ▲ 9.7%
Jan 2022: ▲ 9.2%
Dis 2021: ▲ 10.0%

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Februari 2022 menurun 6.9 peratus kepada 5,973,996 tan metrik berbanding 6,419,064 tan metrik pada bulan sebelumnya (**Carta 2**). Walau bagaimanapun, prestasi tahun ke tahun menunjukkan peningkatan 4.2 peratus berbanding Februari 2021 (5,732,982 tan metrik).

Carta 2: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Januari 2021 - Februari 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2**, purata penghasilan buah tandan segar pada Februari 2022 menurun kepada 0.99 tan metrik/ha daripada 1.10 tan metrik/ha pada bulan Januari 2022. Dari segi wilayah, Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak masing-masing mengalami penurunan purata pengeluaran hasil buah tandan segar sebanyak 0.9 peratus kepada 1.07 tan metrik/ha (Januari 2022: 1.08 tan metrik/ha) dan 16.2 peratus kepada 0.93 tan metrik/ha (Januari 2022: 1.11 tan metrik/ha).

Jadual 2: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar mengikut Kawasan, Februari 2021 - Februari 2022 (Tan Metrik/ Ha)

Wilayah	2021												2022	
	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	
Malaysia	0.97	1.20	1.28	1.33	1.35	1.30	1.44	1.45	1.46	1.41	1.26	1.10	0.99	
Semenanjung Malaysia	1.04	1.33	1.40	1.40	1.41	1.42	1.55	1.48	1.51	1.44	1.24	1.08	1.07	
Sabah/ Sarawak	0.91	1.10	1.19	1.27	1.29	1.20	1.35	1.42	1.41	1.38	1.27	1.11	0.93	


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Malaysia menghasilkan kurang minyak sawit kerana lebih sedikit tandan buah segar yang dituai pada Februari tahun ini. Merujuk kepada **Carta 3**, pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing menurun 9.3 peratus (Februari 2022: 1,137,448 tan metrik, Januari 2022: 1,253,577 tan metrik) dan 8.4 peratus (Februari 2022: 283,054 tan metrik, Januari 2022: 309,154 tan metrik). Begitu juga, pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung masing-masing menyusut sebanyak 17.3 peratus (Februari 2022: 126,669 tan metrik, Januari 2022: 153,173 tan metrik) dan 18.2 peratus (Februari 2022: 143,073 tan metrik, Januari 2022: 174,810 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2021 - Februari 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit susut 5.3 peratus pada Februari 2022 kepada 1,097,857 tan metrik daripada 1,159,576 tan metrik pada bulan sebelumnya (**Carta 4**). India kekal sebagai negara pengimpor terbesar dengan 184,063 tan metrik menyumbang 16.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit diikuti China (8.0%), Kenya (6.6%), Netherlands (6.0%) dan Turkey (5.7%).


Carta 4: Eksport Minyak Sawit, Januari 2021 - Februari 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Sementara itu, import minyak sawit meningkat 112.2 peratus kepada 149,833 tan metrik (Januari 2022: 70,596 tan metrik), manakala isirung sawit meningkat 4.3 peratus kepada 2,439 tan metrik (Januari 2022: 2,338 tan metrik) seperti ditunjukkan di **Carta 5**. Import minyak isirung sawit, sebaliknya turun sebanyak 21.7 peratus kepada 13,972 tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Januari 2022: 17,841 tan metrik).

PERTANIAN

Carta 5: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Januari 2021 - Februari 2022




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Getah

Pengeluaran getah asli meningkat sebanyak 17.7 peratus pada Januari 2022 kepada 49,087 tan metrik berbanding 41,690 tan metrik, berbanding pada bulan sebelumnya. Begitu juga, pengeluaran tahunan meningkat sebanyak 7.3 peratus berbanding 45,735 tan metrik pada bulan yang sama tahun 2021 (**Carta 6**).

Carta 6: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2020 - Januari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Januari 2022, menjadikan 89.1 peratus (43,756 tan metrik) daripada sumbangan keseluruhan, dengan sektor estet menyumbang 10.9 peratus (5,331 tan metrik). Pengeluaran bulanan dalam kedua-dua sektor ini masing-masing meningkat sebanyak 15.4 peratus dan 41.2 peratus.

Mengikut analisis harga purata bulanan, Lateks Pekat meningkat 6.0 peratus (Januari 2022: 572.08 sen sekilogram, Disember 2021: 539.45 sen sekilogram), manakala Sekerap meningkat 3.2 peratus (Januari 2022: 603.05 sen sekilogram, Disember 2021: 548.07 sen sekilogram). Trend yang sama boleh diperhatikan untuk semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) yang meningkat antara 2.9 hingga 6.0 peratus. Pergerakan harga global, seperti yang dilaporkan oleh *World Bank Commodity Price Data* turut menunjukkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapore/ Malaysia) masing-masing meningkat 3.3 peratus (daripada USD1.72/kg kepada USD1.78/kg) dan 2.7 peratus (daripada USD1.92/kg kepada USD1.97/kg).


Carta 7: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, Januari 2021, Disember 2021 dan Januari 2022



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli meningkat 8.7 peratus pada Januari 2022 kepada 310,052 tan metrik meningkat daripada 285,245 tan metrik pada bulan sebelumnya (**Carta 8**). Sementara itu, penggunaan domestik meningkat 1.3 peratus, mencecah 43,189 tan metrik berbanding 42,618 tan metrik pada Disember 2021.

Carta 8: Stok Getah Asli, Januari 2020 - Januari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERTANIAN

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 51,158 tan metrik pada Januari 2022, meningkat 11.3 peratus berbanding Disember 2021 (45,982 tan metrik). China terus mendominasi sebagai pengimpor tertinggi getah asli iaitu 37.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport diikuti USA (7.0%), Finland (3.8%), Germany (3.3%) dan Iran (3.2%).

Sarung tangan menyumbang sebahagian besar eksport produk berasaskan getah pada Januari 2022, dengan nilai sebanyak RM2.2 bilion, penurunan 7.6 peratus daripada Disember 2021 (RM2.3 bilion). Seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3**, tiga negara destinasi utama eksport sarung tangan getah ialah USA dengan nilai RM624.9 juta, Germany (RM151.3 juta) dan China (RM73.9 juta).

Jadual 3: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Getah, Disember 2021 dan Januari 2022


Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Disember 2021	Januari 2022	Disember 2021	Januari 2022
United States of America	22,263	17,139	837.9	624.9
Germany	5,065	4,725	167.0	151.3
China	5,043	3,981	108.4	73.9
India	2,837	3,762	51.1	68.8
Brazil	1,897	3,492	40.7	76.4
Japan	2,813	3,336	113.6	124.8
Turkey	3,587	3,104	70.1	60.4
United Kingdom	3,328	3,003	117.7	103.8
Italy	1,862	2,056	50.8	51.8
Australia	1,903	1,748	67.7	58.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia kekal positif pada Januari 2022, disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam permintaan luaran dan perbelanjaan domestik yang semakin berkembang. IPP pada bulan Januari 2022 meningkat 4.3 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 9**). Peningkatan IPP didorong oleh indeks Pembuatan (6.8%) dan indeks Elektrik (7.7%). Walaupun begitu, indeks Perlombongan mencatatkan kemerosotan 5.1 peratus.

Carta 9: Indeks Pengeluaran Perindustrian (Tahun ke Tahun), Januari 2021 – Januari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan yang merupakan komponen terbesar bagi IPP mencatatkan pertumbuhan 6.8 peratus pada Januari 2022. Output berorientasikan eksport dan domestik masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.7 peratus (Disember 2021: 9.6%) dan 7.0 peratus (Disember 2021: 5.7%) berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar kepada output berorientasikan eksport adalah pembuatan komputer, produk elektronik & optikal, 16.0 peratus (Disember 2021: 19.0%), pembuatan kelengkapan elektrik, 10.9 peratus (Disember 2021: 17.4%) dan pembuatan kimia & produk kimia, 7.1 peratus (Disember 2021: 10.3%). Sementara itu, pertumbuhan pengeluaran berorientasikan domestik disumbangkan oleh pembuatan kertas & produk kertas, 14.6 peratus (Disember 2021: 12.4%), diikuti dengan pembuatan produk makanan, 11.1 peratus (Disember 2021: 9.2%) dan pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan, 6.7 peratus (Disember 2021: 6.1%).

IPP bagi beberapa rakan dagangan utama Malaysia menunjukkan pertumbuhan positif pada Januari 2022 seperti China, 7.5 peratus (Disember 2021: 4.3%), Singapore, 2.0 peratus (Disember 2021: 16.7%), Republic of Korea, 4.3 peratus (Disember 2021: 7.4%) dan USA, 4.1 peratus (Disember 2021: 3.8%). Sebaliknya, Japan mencatatkan kejatuhan 0.9 peratus (Disember 2021: 2.7%).

Output sektor Perlombongan merosot 5.1 peratus pada Januari 2022 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Kemerosotan tersebut disebabkan oleh penurunan 13.9 peratus dalam indeks Minyak Mentah & Kondensat. Sementara itu, indeks Gas Asli meningkat 1.6 peratus.


INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Januari 2022 berjumlah RM139.0 bilion, berkembang 13.1 peratus (Disember 2021: 15.5%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2021 (**Carta 10**). Pertumbuhan nilai jualan disumbangkan oleh Produk Makanan, Minuman & Tembakau (20.6%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (15.7%) dan Produk Elektrik & Elektronik (10.6%).

Di samping itu, eksport Malaysia pada Januari 2022 tumbuh 23.5 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya mencapai nilai RM110.7 bilion. Pengembangan eksport ini disebabkan oleh permintaan global yang tinggi terutamanya untuk eksport bagi Produk Elektrik & Elektronik dan Produk Minyak Sawit & Minyak berasaskan Produk Pertanian. Pada masa yang sama, eksport ke rakan dagangan utama, terutamanya ASEAN, China, USA, EU dan Japan masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 19.5 peratus (RM30.8 bilion), 28.7 peratus (RM16.9 bilion), 17.7 peratus (RM12.1 bilion), 14.6 peratus (RM9.2 bilion) dan 10.0 peratus (RM7.1 bilion). Eksport barang perlindungan yang mewakili 85.5 peratus kepada eksport keseluruhan telah meningkat sebanyak 19.3 peratus berjumlah RM94.7 bilion bagi perbandingan tahun ke tahun.

Carta 10: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Januari 2021 – Januari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan pada Januari 2022 adalah seramai 2.27 juta orang, bertambah 2.2 peratus berbanding 2.23 juta orang pada Januari 2021. Peningkatan jumlah pekerja terutamanya disokong oleh industri Elektrik & Elektronik (4.8%), Kayu, Perabot, Produk Kertas & Percetakan (3.1%) dan Makanan, Minuman & Tembakau (1.3%). Gaji & upah yang dibayar meningkat 4.1 peratus kepada RM7.9 bilion pada Januari 2022 berbanding bulan yang sama tahun 2021. Selain itu, purata gaji & upah setiap pekerja meningkat 1.8 peratus kepada RM3,459 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, nilai jualan per pekerja juga turut meningkat 10.7 peratus kepada RM61,116 (Januari 2021: RM55,213).

Aktiviti pembuatan dijangka akan terus berkembang walaupun perniagaan menghadapi cabaran dengan peningkatan kos pengeluaran dan kekangan bekalan. Operasi ketenteraan Rusia ke atas Ukraine juga akan mengakibatkan peningkatan harga komoditi global yang lebih tinggi dan meningkatkan keimbangan terhadap kekurangan bahan dan gangguan yang berpanjangan dalam rantai bekalan.


Perdagangan Borong & Runcit

Perdagangan Borong & Runcit mengekalkan pertumbuhan positifnya pada Januari 2022. Pengembangan pada Januari disokong oleh pelbagai faktor termasuk harga komoditi yang lebih tinggi terutamanya bagi harga minyak sawit mentah dan minyak mentah. Pada Januari 2022, minyak sawit mentah mencatatkan harga tertinggi sebanyak RM5,354.50, manakala *Europe Brent* berada pada RM362.40 setong (USD86.51) yang juga mencapai harga tertinggi yang direkodkan sejak 2016. Harga komoditi yang tertinggi ini membantu meningkatkan jualan untuk Perdagangan Borong pada bulan ini. Bagi perbandingan bulanan, jualan bagi sektor ini mencatatkan pertumbuhan negatif berbanding Disember 2021 disebabkan oleh peristiwa banjir baru-baru ini yang memberi kesan kepada subsektor Kenderaan Bermotor dan pembelian yang lebih tinggi yang dibuat oleh pengguna bulan lepas didorong oleh jualan promosi akhir tahun.

Prestasi Nilai Jualan

Jualan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan RM120.5 bilion pada Januari untuk mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun 7.7 peratus (**Paparan 1**). Peningkatan bagi Perdagangan Borong & Runcit pada Januari disumbang oleh subsektor Perdagangan Runcit yang mencatatkan pertambahan positif dengan peningkatan sebanyak RM3.3 bilion atau 7.3 peratus untuk mencatatkan RM49.0 bilion. Perdagangan Borong juga berkembang dengan 5.7 peratus atau RM3.2 bilion kepada RM58.6 bilion. Dalam tempoh yang sama, Kenderaan Bermotor melonjak 19.4 peratus atau RM2.1 bilion kepada RM12.9 bilion.

Paparan 1: Prestasi Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Januari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit menurun 0.2 peratus, disebabkan oleh subsektor Kenderaan Bermotor yang menguncup 11.5 peratus.


Prestasi Kenderaan Bermotor

Prestasi memberangsangkan dalam subsektor Kenderaan Bermotor yang meningkat 19.4 peratus disumbang oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang meningkat 20.1 peratus atau RM1.1 bilion kepada RM6.4 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor dan Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor masing-masing sebanyak 24.5 peratus dan 26.8 peratus. Walau bagaimanapun, Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal merosot 9.3 peratus pada Januari 2022 (**Carta 11**).

PERKHIDMATAN

Bagi perbandingan bulanan, jualan subsektor ini jatuh 11.5 peratus yang disumbangkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang menjunam 20.2 peratus.

Carta 11: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, Januari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Runcit

Pertumbuhan subsektor Perdagangan Runcit sebanyak 7.3 peratus pada Januari 2022 disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang meningkat 10.1 peratus atau RM1.7 bilion kepada RM18.2 bilion. Kumpulan lain dalam subsektor ini turut mencatatkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan 19.5 peratus, Jualan Runcit Barangani Isi Rumah 7.1 peratus, Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau 8.4 peratus, Jualan Runcit Barangani Kesenian & Rekreasi 5.0 peratus, Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar 26.8 peratus, Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan 1.2 peratus, Jualan Runcit di Gerai & Pasar 8.2 peratus dan Jualan Runcit Kelengkapan Informasi & Komunikasi 0.2 peratus (**Carta 12**).

Bagi perbandingan bulanan, nilai jualan subsektor ini meningkat 1.0 peratus.

Carta 12: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, Januari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Kenaikan 5.7 peratus dalam Perdagangan Borong disumbangkan oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong yang mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.1 bilion atau 5.2 peratus kepada RM22.8 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau dengan 9.5 peratus untuk merekodkan RM11.7 bilion. Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup turut meningkat 15.3 peratus kepada RM4.7 bilion seperti di **Carta 13**.

Bagi perbandingan dengan bulan sebelumnya, Perdagangan Borong tumbuh 1.7 peratus disumbangkan oleh Jualan Borong Barang Isi Rumah yang meningkat sebanyak 3.5 peratus.

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, Januari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit pada Januari 2022 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 3.6 peratus. Pengembangan ini disumbangkan oleh Kenderaan Bermotor yang meningkat 16.3 peratus. Perdagangan Runcit & Perdagangan Borong juga merekodkan pertumbuhan positif dengan peningkatan masing-masing 3.0 peratus dan 1.5 peratus. Indeks volum pelarasan musim meningkat 1.1 peratus bulan ke bulan (**Carta 14**).

Carta 14: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Januari 2021 - Januari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Jualan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 4: Indeks Jualan Runcit Bagi Negara-Negara Terpilih, Januari 2022 (Tahun ke Tahun)

Singapore	Hong Kong	United Kingdom	Republic of Korea	Indonesia
15.5	1.7	8.3	4.5	15.2

Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Prestasi jualan runcit di negara-negara terpilih yang lain, Singapore, Hong Kong, United Kingdom, Republic of Korea dan Indonesia mencatatkan pertumbuhan positif pada Januari 2022 seperti dalam **Jadual 4**. Singapore melaporkan pertumbuhan 15.5 peratus tahun ke tahun, disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan sebelum Tahun Baru Cina yang disambut pada awal Februari tahun ini. Pertumbuhan 1.7 peratus Hong Kong juga disebabkan oleh Tahun Baru Lunar dan belum sepenuhnya mencerminkan kesan gelombang kelima pandemik COVID-19 tempatan dan langkah-langkah anti-pandemik yang semakin diperketatkan. Dalam tempoh yang sama, indeks jualan runcit UK meningkat 8.3 peratus pada Januari, disebabkan oleh asas rendah yang direkodkan pada Januari 2021 kerana sebahagian besar negara berada dalam *lockdown*.

Jualan runcit di Republic of Korea, meningkat 4.5 peratus tahun ke tahun pada Januari 2022, dan menandakan peningkatan bulan kedua belas berturut-turut bagi perdagangan runcit.

Sementara itu, jualan runcit Indonesia berkembang 15.2 peratus pada Januari 2022 untuk mencapai 209.6 mata, didorong oleh peningkatan di semua kumpulan komoditi, diterajui oleh bahan api automotif dan pakaian.

Prospek Februari 2022

Bagi prestasi Borong & Runcit pada Februari 2022, sektor ini dijangka mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif. Jualan Kenderaan Bermotor dijangka meningkat pada bulan Februari apabila syarikat-syarikat auto meningkatkan pengeluaran untuk memenuhi pesanan tertunggak dan mendorong jualan yang lebih tinggi disebabkan oleh tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac. Selain itu, harga komoditi terus meningkat pada bulan Februari, di mana minyak sawit mentah dan minyak brent masing-masing mencatatkan harga RM5,930.50 dan sekitar RM400 setong (USD97.13). Harga komoditi ini dijangka mendorong jualan untuk Perdagangan Borong pada Februari 2022.


Perdagangan Barang

Melangkah ke tahun baharu, bencana alam meletakkan Malaysia dalam situasi mencabar apabila Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak terkesan akibat bencana banjir. Sementara itu, Sarawak dan Kelantan akhirnya telah beralih ke Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa 3 Januari 2022. Peralihan kedua-dua negeri tersebut daripada Fasa Tiga menunjukkan kesemua negeri di Malaysia telah berada di Fasa Empat PPN. Seiring perkembangan tersebut, kes bulanan baharu COVID-19 turut merekodkan penurunan kepada 112,672 kes pada Januari 2022 berbanding 125,304 kes pada Disember 2021. Perdagangan Malaysia meneruskan prestasi yang stabil pada Januari 2022 dengan jumlah perdagangan mengekalkan momentum dua digit meningkat 24.8 peratus kepada RM203.0 bilion berbanding RM162.6 bilion pada Januari 2021. Eksport bertambah 23.5 peratus kepada RM110.7 bilion, melebihi nilai Import yang meningkat 26.4 peratus kepada RM92.3 bilion. Oleh itu, lebihan dagangan direkodkan pada RM18.4 bilion, meningkat 10.9 peratus dari tahun sebelumnya. Namun begitu, eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan masing-masing menurun sebanyak 10.6 peratus, 0.6 peratus, 6.3 peratus dan 40.6 peratus berbanding Disember 2021.

Peningkatan eksport diterajui oleh peningkatan eksport barang ke China yang meningkat RM3.8 bilion, diikuti oleh Singapore (+RM2.1 bilion), India (+RM2.0 bilion), USA (+RM1.8 bilion) dan Republic of Korea (+RM1.2 bilion). Sementara itu, peningkatan import pula ditunjangi oleh pengembangan import dari China (+RM6.3 bilion), EU (+RM2.1 bilion), Taiwan (+RM1.6 bilion), Singapore (+RM1.6 bilion) dan Republic of Korea (+RM1.1 bilion). Perdagangan utama Malaysia pada Januari 2022 adalah dengan China, Singapore, USA dan EU dengan jumlah sumbangan 48.6 peratus (Januari 2021: 48.7%).

Eksport barang Malaysia mengekalkan momentum positif pada bulan pertama 2022 dengan peningkatan 23.5 peratus tahun ke tahun kepada RM110.7 bilion daripada RM89.6 bilion pada Januari 2021. Kenaikan ini dipacu oleh peningkatan berterusan eksport Barang elektrik dan elektronik (E&E) (+RM8.1 bilion, +22.1%), Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit (+RM4.8 bilion, +93.1%) dan Gas asli cecair (LNG) (+RM1.7 bilion, +71.9%) seperti di **Carta 15**. Eksport Sarung tangan getah pula menunjukkan trend merosot dengan penurunan 61.6 peratus tahun ke tahun kepada RM2.2 bilion daripada RM5.6 bilion pada Januari 2021. Barang E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis merupakan produk eksport utama Malaysia pada Januari 2022 dengan sumbangan agregat sebanyak 54.5 peratus (Januari 2021: 51.1%).

**Carta 15: Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (Tahun ke Tahun),
Januari 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SEKTOR LUARAN

Selari dengan itu, prestasi import Malaysia terus mengekalkan trend positif pada Januari 2022, mencatatkan kenaikan 26.4 peratus tahun ke tahun kepada RM92.3 bilion daripada RM73.0 bilion pada Januari 2021. Peningkatan import disokong oleh Barang E&E (+RM6.3 bilion, +26.3%), Keluaran petroleum bertapis (+RM1.7 bilion, +36.6%), Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti (+RM932.8 juta, +101.5%) dan Keluaran besi gelek rata atau keluli (+RM716.8 juta, +62.7%) seperti di **Carta 16**. Sementara itu, Emas bukan bentuk wang menunjukkan trend negatif untuk bulan ketiga berturut-turut (-RM873.2 juta, -41.4%). Barang E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Keluaran besi gelek rata atau keluli menjadi penyumbang utama kepada import barang Malaysia pada Januari 2022 dengan sumbangan kumulatif 41.5 peratus (Januari 2021: 40.6%).


Carta 16: Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (Tahun ke Tahun), Januari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 17**, eksport dan import oleh rakan dagangan utama terus berkembang secara positif pada Januari 2022, seiring dengan pemuliharan ekonomi global.

Carta 17: 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (Tahun ke Tahun), Januari 2022



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi bulan rujukan Januari 2022 menunjukkan peningkatan jumlah dagangan sebanyak RM40.4 bilion, atau 24.8 peratus kepada RM203.0 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh prestasi yang memberangsangkan terutamanya di Pulau Pinang yang meningkat sebanyak RM9.0 bilion (+18.8%), diikuti oleh Selangor RM8.4 bilion (+22.1%), Johor RM7.4 bilion (+24.5%), Sarawak RM4.9 bilion (+77.8%), Kedah RM4.2 bilion (+67.0%), W.P. Kuala Lumpur RM1.8 bilion (+21.3%), Sabah RM1.4 bilion (+53.2%), Pahang RM1.3 bilion (+37.8%), W.P. Labuan RM675.9 juta (+115.4%), Terengganu RM626.2 juta (+42.8%), Negeri Sembilan RM604.1 bilion (+14.4%) dan Perlis RM55.6 juta (+36.9%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan berkurang di Perak RM467.2 juta (-7.4%), Kelantan RM96.6 juta (-16.8%) dan Melaka RM45.9 juta (-1.0%).

Jumlah eksport melonjak RM21.1 bilion atau 23.5 peratus kepada RM110.7 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan ini didorong oleh eksport yang lebih tinggi dari Pulau Pinang (+RM5.0 bilion), Johor (+RM4.0 bilion), Sarawak (+RM3.7 bilion), Selangor (+RM3.6 bilion), Kedah (+RM1.8 bilion), Sabah (+RM1.4 bilion), Pahang (+RM732.3 juta), W.P. Labuan (+RM713.8 juta), Terengganu (+RM511.0 juta), W.P. Kuala Lumpur (+RM278.9 juta), Kelantan (+RM66.2 juta) dan Perlis (+RM33.1 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Perak (-RM610.2 juta), Melaka (-RM197.9 juta) dan Negeri Sembilan (-RM68.9 juta).

Pada masa yang sama, import meningkat sebanyak RM19.3 bilion (+26.4%) pada Januari 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan import yang lebih tinggi direkodkan oleh Selangor (+RM4.7 bilion), Pulau Pinang (+RM4.0 bilion), Johor (+RM3.4 bilion), Kedah (+RM2.4 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.6 bilion), Sarawak (+RM1.2 bilion), Negeri Sembilan (+RM673.0 juta), Pahang (+RM525.5 juta), Melaka (+RM151.9 juta), Perak (+RM143.0 juta), Terengganu (+RM115.1 juta), Sabah (+RM98.2 juta) dan Perlis (+RM22.5 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Kelantan (-RM162.8 juta) dan W.P. Labuan (-RM37.9 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan sumbangan 80.4 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 31.3 peratus, diikuti oleh Selangor (19.0%), Johor (18.3%), Sarawak (7.8%) dan Kedah (4.1%). Manakala, bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang utama dengan 27.3 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (24.4%), Johor (18.9%), W.P. Kuala Lumpur (7.0%) dan Kedah (6.6%) seperti di **Paparan 2**.

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, Januari 2021 dan Januari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

SEKTOR LUARAN

Februari 2022 menyaksikan peningkatan ketara kes harian baharu COVID-19 yang melepas paras 30,000 kes buat pertama kalinya pada 23 Februari 2022 kepada 31,199 kes. Walau bagaimanapun, Kerajaan optimis segala usaha yang dirancang menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) berada di landasan yang tepat apabila lebih daripada 99 peratus pesakit adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2 iaitu tidak bergejala dan bergejala ringan. Justeru, kerajaan memutuskan untuk tidak melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan wabak COVID-19 dan perniagaan beroperasi seperti biasa. Hasilnya, jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan momentum dua angka pada Februari 2022 namun pada kadar yang lebih perlahan, berkembang 17.5 peratus kepada RM184.8 bilion berbanding RM157.3 bilion pada Februari 2021. Eksport berkembang 16.8 peratus kepada RM102.3 bilion, manakala Import meningkat 18.4 peratus kepada RM82.5 bilion. Imbangan dagangan kekal dengan lebihan pada RM19.8 bilion, meningkat 10.7 peratus daripada tahun sebelumnya. Berbanding Januari 2022, eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing menurun 7.9 peratus, 10.8 peratus dan 9.2 peratus, manakala imbangan dagangan meningkat 6.6 peratus. Februari 2022 melabuhkan tirainya dengan kemuncak krisis Russia-Ukraine pada 24 Februari 2022. Krisis Russia-Ukraine memberi impak ketara kepada ekonomi global khususnya kepada rantaian bekalan di mana sejak tercetusnya krisis, harga minyak Brent dan gandum telah melambung tinggi. Senario ini seterusnya mungkin memberi kesan kepada perdagangan antarabangsa pada bulan-bulan akan datang.

Senario Buruh


Aktiviti ekonomi yang menggalakkan dapat dilihat pada Januari 2022 berikutan semua negeri telah berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihran Negara (PPN) termasuk negeri Kelantan dan Sarawak yang berkuatkuasa mulai 3 Januari 2022. Dalam Fasa 4, sektor awam dan swasta dibenarkan beroperasi pada kapasiti penuh dengan waktu perniagaan yang lebih panjang. Tambahan pula, sasaran mencapai imuniti kelompok nampaknya semakin hampir apabila 50.8 peratus daripada orang dewasa telah menerima dos penggalak COVID-19 sehingga 31 Januari 2022, manakala 97.9 peratus daripada orang dewasa telah melengkapkan dua dos vaksinasi. Justeru, memberi keyakinan kepada negara ke arah pembukaan ekonomi.

Berbanding Januari tahun lalu, pasaran buruh pada ketika itu berada dalam kedudukan yang mencabar dengan kebanyakan negeri berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan peningkatan jumlah kes baru COVID-19. Dalam tempoh tersebut, hanya lima sektor ekonomi perlu dibenarkan beroperasi manakala perjalanan rentas negeri dan daerah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, kedudukan tenaga buruh semakin baik pada Januari 2022 berbanding Disember 2021, didorong oleh peningkatan guna tenaga yang berterusan dan penurunan dalam pengangguran. Trend yang sama juga dilihat bagi perbandingan tahun ke tahun dengan peningkatan signifikan dalam tenaga buruh.

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan bulan ke bulan terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman, Perdagangan borong & runcit; dan Maklumat & komunikasi. Trend yang sama juga dilihat dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan melalui peningkatan bilangan guna tenaga. Sebaliknya, guna tenaga dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian berada dalam trend menurun sejak lapan bulan yang lalu.

Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga meningkat 0.1 mata peratus kepada 66.2 peratus pada Januari 2022 berbanding 66.1 peratus pada bulan sebelumnya. Begitu juga, tahun ke tahun, nisbah ini bertambah 1.0 mata peratus daripada 65.2 peratus pada Januari 2021 (**Carta 18**).

Carta 18: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, Januari 2018 - Januari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Komposisi terbesar penduduk bekerja adalah kategori pekerja yang merangkumi 76.7 peratus. Jumlah dalam kategori ini meningkat 0.1 peratus atau 13.0 ribu orang kepada 12.03 juta (Disember 2021: 12.02 juta orang). Begitu juga, kategori penduduk bekerja sendiri terus meningkat 0.6 peratus (+16.0 ribu orang) kepada 2.66 juta orang pada Januari 2022 (Disember 2021: 2.64 juta orang). Kategori ini sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit; penjaja; penjual di pasar dan gerai serta pekebun kecil (**Carta 19**).

SENARIO BURUH

Carta 19: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, Disember 2021 dan Januari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu merekodkan penurunan 33.2 ribu orang (-26.2%) pada Januari 2022 kepada 93.5 ribu orang berbanding Disember 2021 (126.7 ribu orang). Ini menggambarkan operasi berterusan bagi semua aktiviti perniagaan dan sosial sepanjang bulan tersebut. Begitu juga, berbanding Januari tahun lalu, kategori ini terus menurun 65.4 ribu orang (Januari 2021: 158.9 ribu orang). Kumpulan ini yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.

Bilangan penganggur terus menurun 1.1 peratus (-7.3 ribu orang) pada Januari 2022 kepada 680.4 ribu orang (Disember 2021: 687.6 ribu orang). Kadar pengangguran pada bulan tersebut kekal pada 4.2 peratus.

Perbandingan dengan bulan yang sama tahun sebelumnya, bilangan penganggur mencatatkan penurunan 13.1 peratus atau 102.2 ribu orang (Januari 2021: 782.5 ribu orang), seterusnya kadar pengangguran jatuh 0.7 mata peratus (Januari 2021: 4.9%). Penurunan tahun ke tahun yang ketara ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan PKP di Semenanjung Malaysia pada bulan Januari tahun lalu (**Carta 20**).


Carta 20: Penganggur dan Kadar Penganggur, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - Januari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan kategori pengangguran, 83.7 peratus daripada jumlah penganggur adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, mencatatkan penurunan 1.2 peratus (-7.0 ribu orang) kepada 569.5 ribu orang (Disember 2021: 576.5 ribu orang). Seterusnya, 56.3 peratus adalah penganggur kurang daripada tiga bulan manakala 7.5 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Begitu juga, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia berkurang 0.2 peratus (-0.2 ribu orang) merekodkan 110.9 ribu orang (Disember 2021: 111.1 ribu orang) seperti ditunjukkan pada **Carta 21**.

Carta 21: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Disember 2021 dan Januari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan tenaga buruh pada Januari 2022 terus meningkat dengan pertambahan 30.2 ribu orang atau 0.2 peratus bulan ke bulan untuk mencatatkan 16.37 juta orang (Disember 2021: 16.34 juta orang). Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada Januari meningkat kepada 69.1 peratus (Disember 2021: 69.0%).

Begitu juga, bilangan tenaga buruh meningkat 346.6 ribu orang (2.2%) berbanding 16.02 juta orang pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Oleh itu, KPTB meningkat 0.6 mata peratus (Januari 2021: 68.5%) seperti ditunjukkan pada **Carta 22**.

Carta 22: Tenaga Buruh dan KPTB, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - Januari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan luar tenaga buruh pada Januari 2022 terus menurun kepada 7.33 juta orang dengan pengurangan 5.6 ribu orang atau 0.1 peratus (Disember 2021: 7.34 juta orang). Begitu juga, tahun ke tahun, bilangan luar tenaga buruh berkurang 34.1 ribu orang (0.5%) berbanding Januari 2021 (7.37 juta orang). Bersekolah/ latihan merupakan sebab utama luar tenaga buruh dengan peratus sumbangan 41.4 peratus, diikuti oleh kategori kerja rumah/ tanggungjawab keluarga (41.3%) seperti ditunjukkan pada **Carta 23**.

SENARIO BURUH

**Carta 23: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan,
Disember 2021 dan Januari 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prospek ekonomi yang menggalakkan dijangka pada bulan-bulan akan datang seperti digambarkan oleh IP yang melebihi 100.0. Prospek yang positif ini akan mendorong kepada peningkatan dalam aktiviti perniagaan dan seterusnya akan mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam ekonomi. Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan akan menggalakkan penyertaan buruh yang lebih ramai, sekali gus mendorong pasaran buruh yang lebih rancak pada bulan-bulan yang akan datang.

Berikutan situasi kesihatan semasa yang menyaksikan kes harian baharu yang semakin meningkat, sedikit sebanyak mungkin memberi cabaran terhadap pasaran buruh. Walau bagaimanapun, memandangkan semakin besar jumlah populasi yang dilindungi oleh program vaksinasi, ia akan dapat membantu dalam mengekang penularan pantas virus tersebut. Sehingga 7 Mac 2022, sebanyak 78.9 peratus daripada penduduk Malaysia telah lengkap divaksin, manakala kadar vaksinasi dewasa adalah 97.5 peratus. Dalam pada itu, vaksin COVID-19 bagi kanak-kanak berumur lima hingga sebelas tahun yang dilaksanakan mulai 3 Februari 2022 semakin meningkat mencapai 29.3 peratus. Selain itu, Malaysia kini dalam proses untuk membuka semula sempadan antarabangsanya tidak lama lagi, sekali gus akan memberi impak yang lebih positif terhadap aktiviti berkaitan pelancongan dan mengatasi isu berkaitan pasaran buruh, antara lainnya adalah berhubung kekurangan tenaga buruh dalam industri tertentu seperti Perladangan dan Pembinaan.


Indeks Harga Pengguna

Isu kenaikan harga makanan seperti sayur-sayuran, daging dan ikan yang berlarutan semenjak beberapa bulan yang lalu disebabkan kesan langsung daripada kekurangan bekalan serta kenaikan harga makanan ternakan, sekali lagi memberi tekanan kepada inflasi makanan. Oleh itu, dengan inflasi makanan yang merupakan penyumbang terbesar kepada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna telah meningkatkan kadar inflasi negara.

Inflasi negara pada Januari 2022 meningkat sebanyak 2.3 peratus kepada 124.9 berbanding 122.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya disebabkan oleh kesan asas. Kenaikan ini juga melepassi purata inflasi bagi tempoh 2011 hingga Januari 2022 (1.9%). Peningkatan inflasi ini telah didorong terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan Pengangkutan (6.0%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.6%). Ini diikuti oleh Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.1%); Restoran & Hotel (2.1%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.2%).

Kedua-kedua indeks Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api lain dan Pendidikan meningkat sebanyak 0.7 peratus, manakala Minuman Alkohol & Tembakau dan Kesihatan masing-masing meningkat secara marginal 0.4 peratus dan 0.3 peratus. Komunikasi kekal tidak berubah, manakala Pakaian & Kasut menurun 0.3 peratus berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 24**).


**Carta 24: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun),
Januari 2021 – Januari 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Pengangkutan meningkat 6.0 peratus berikutan kesan asas lebih rendah yang disebabkan oleh penetapan harga siling Petrol Tanpa Plumbum RON95 pada Mac 2021 pada RM2.05, di mana masih tinggi berbanding harga purata RM1.87 per liter pada Januari 2021. Tambahan pula, harga purata Petrol Tanpa Plumbum RON97 telah meningkat kepada RM3.06 per liter berbanding RM2.17 per liter pada tahun sebelumnya (**Carta 25**).

Carta 25: Purata Harga Bahan Api, Januari 2021 – Januari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang menyumbang sebahagian besar perbelanjaan isi rumah menunjukkan peningkatan ketara berbanding bulan sebelumnya. Apabila dibandingkan dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya, inflasi kumpulan ini meningkat 3.6 peratus pada Januari 2022. Kesemua subkumpulan bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol mencatatkan peningkatan, manakala Daging terus menjadi penyumbang utama dalam kenaikan kumpulan ini dengan peningkatan sebanyak 7.8 peratus (**Jadual 5**). Ini diikuti oleh kenaikan Sayur-sayuran (5.0%); Susu, Keju & Telur (4.7%); Minyak & Lemak (4.6%); dan Ikan & Makanan Laut (4.2%).

Jadual 5: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), Januari 2022

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) Januari 2022
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	3.6
Makanan	28.4	3.6
Makanan Di Rumah	16.9	4.1
Beras, Roti & Bijirin Lain	3.5	1.9
Daging	2.5	7.8
Ikan & Makanan Laut	4.0	4.2
Susu, Keju & Telur	1.5	4.7
Minyak & Lemak	0.6	4.6
Buah-buahan	1.2	1.5
Sayur-sayuran	2.1	5.0
Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan	0.6	1.9
Keluaran Makanan t.t.t.l.	1.0	2.8
Makanan Di Luar Rumah	11.5	3.1
Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol	1.1	0.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rakyat Malaysia menjadikan ayam sebagai salah satu sumber protein mereka. Sehubungan itu, ketidaktentuan harga ayam akan menjadi kebimbangan di peringkat nasional, menjelaskan semua isi rumah, terutamanya isi rumah berpendapatan rendah. Harga ayam dijangka akan lebih rendah pada bulan hadapan berikutan penetapan harga siling runcit ayam standard kepada RM8.90 sekilogram yang berkuat kuasa pada 5 Februari 2022 sehingga 5 Jun 2022. Langkah intervensi kerajaan ini adalah bertujuan bagi menjamin kestabilan harga ayam dan harga makanan berkaitan. Melangkah ke hadapan, IHP dijangka tinggi disebabkan konflik Rusia-Ukraine akan memberi kesan kepada harga komoditi terutamanya minyak mentah dan seterusnya meningkatkan kos pengeluaran yang perlu ditanggung oleh pengguna.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan yang mengukur kos barang di pintu kilang meningkat 9.2 peratus pada Januari 2022 berbanding penurunan 0.1 peratus pada Januari 2021 disokong oleh kenaikan 34.3 peratus dalam indeks Perlombongan, berbanding penurunan 28.3 peratus pada Januari tahun lepas. Faktor utama kenaikan ini adalah harga bagi Minyak mentah dan Gas asli yang masing-masing meningkat 33.5 peratus dan 39.0 peratus. Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat sederhana pada 12.5 peratus berbanding kenaikan 22.6 peratus pada Januari 2021. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan dalam indeks Penanaman tanaman kekal (14.6%) dan Perikanan (13.3%). Indeks Pembuatan meningkat sebanyak 7.0 peratus (Januari 2021: 1.1%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam indeks subsektor Pembuatan produk petroleum bertapis (19.2%), Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (17.0%) dan Pembuatan komponen & papan elektronik (0.4%). Sementara itu, indeks subsektor lain seperti Pembuatan kimia asas, baja & sebatian nitrogen, plastik & getah sintetik dalam bentuk primer, Pembuatan besi & keluli asas dan Pembuatan produk plastik turut meningkat. Begitu juga, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat sebanyak 1.2 peratus dan 0.9 peratus.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, IHPR pengeluaran tempatan meningkat sebanyak 1.3 peratus setelah jatuh kali pertama dalam tempoh 14 bulan pada Disember 2021. Peningkatan ini disokong oleh kenaikan 4.5 peratus dalam indeks Pertanian, perhutanan & perikanan. Peningkatan dalam sektor ini adalah disebabkan terutamanya oleh kenaikan pada harga Buah tandan segar kelapa sawit yang meningkat sebanyak 7.1 peratus. Pada masa yang sama, indeks bagi Tomato, Kobis bulat, Lada hitam dan Getah asli & lateks juga menyumbang kepada peningkatan ini. Namun begitu, penurunan dalam indeks Ayam dan Telur ayam telah mengimbangi kenaikan dalam indeks bagi sektor ini. Selain itu, indeks Perlombongan turut meningkat 3.1 peratus pada Januari 2022. Harga Minyak mentah meningkat pada Januari 2022 setelah jatuh selama dua bulan berturut-turut, disebabkan oleh permintaan yang mengatasi bekalan. Sementara itu, indeks Pembuatan naik 0.8 peratus disumbangkan oleh peningkatan indeks subsektor Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (2.4%) dan Pembuatan produk petroleum bertapis (1.7%). Indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 0.2 peratus dan 0.1 peratus (**Jadual 6**).


Jadual 6: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)						
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan			
				Jan 2022	Jan 2021	Dis 2021	Jan 2022	Jan 2021	Dis 2021	Jan 2022
JUMLAH		100.00	117.1	-0.1	10.0	9.2	2.0	-0.6	1.3	
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	154.0	22.6	10.9	12.5	3.0	-2.9	4.5	
Perlombongan	B	7.93	100.2	-28.3	45.1	34.3	11.3	-4.2	3.1	
Pembuatan	C	81.57	115.7	1.1	7.6	7.0	1.3	0.1	0.8	
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	116.6	-1.9	0.7	0.9	-0.1	0.1	0.1	
Bekalan air	E	0.33	113.7	0.5	0.9	1.2	-0.2	0.5	0.2	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 18.3 peratus pada Januari 2022 berbanding penurunan 3.4 peratus pada bulan yang sama tahun sebelumnya, disebabkan oleh peningkatan harga komoditi utama. Indeks bagi Bahan bukan makanan dan Bahan makanan & makanan untuk binatang masing-masing meningkat 20.9 peratus dan 5.4 peratus. Pada masa yang sama, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen naik 10.8 peratus disokong oleh kenaikan dalam indeks Bahan api yang diproses & pelincir (17.7%) dan Bahan & komponen untuk pembuatan (11.4%). Antara produk-produk yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah Gas asli cecair (LNG), Minyak sawit mentah, Naphtha, Litar bersepodu dan Aluminium. Walau bagaimanapun, indeks Barang siap menurun 0.8 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks Kelengkapan modal (-2.7%) seperti ditunjukkan pada **Carta 26**.

**Carta 26: Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun),
Januari 2021 – Januari 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan terhadap Minyak mentah dijangka akan berterusan walaupun terdapat keimbangan mengenai penyebaran varian Omicron memandangkan kebanyakannya negara menolak untuk melaksanakan semula sekatan pergerakan yang ketat. Harga Minyak sawit mentah naik pada Januari 2022, sebahagian besarnya disokong oleh keimbangan mengenai pengurangan ketersediaan eksport daripada pengekspor terkemuka dunia, Indonesia serta kenaikan harga Minyak mentah. Susulan konflik antara Rusia dengan Ukraine, harga minyak mentah dunia telah meningkat ke paras melebihi USD100 setong. Krisis ini juga terus mendorong kenaikan harga minyak sawit mentah dunia. Ini menjadikan kos bagi bahan perantaraan, bekalan & komponen dan juga bahan siap dijangka meningkat selari kenaikan harga bahan mentah untuk pengeluaran.

Malaysia secara rasmi telah memasuki fasa akhir PPN pada Januari 2022 dengan peralihan negeri Sarawak dan Kelantan ke Fasa Empat sejak 3 Januari 2022. Mengimbang kembali pada bulan Januari 2021, negara sekali lagi berada di ambang PKP berikutan peningkatan kes harian baharu COVID-19. Meskipun varian Omicron menular pada kadar yang jauh lebih pantas berbanding varian COVID-19 yang lain, namun kesannya dari segi sosial dan ekonomi berkurangan dengan ketara apabila kerajaan secara berterusan menarik balik sekatan yang dilaksanakan sejak dua tahun yang lalu. Usaha vaksinasi telah menyaksikan 78.7 peratus populasi telah divaksinasi sepenuhnya sehingga 31 Januari 2022 dengan kadar vaksinasi dewasa mencapai 97.9 peratus¹. Dengan perkembangan terkini ini, aktiviti sosioekonomi terus rancak, seperti yang ditunjukkan oleh petunjuk ekonomi jangka pendek bagi Januari 2022.

Bagi sektor luaran, jumlah perdagangan meningkat 24.8 peratus secara tahunan atau RM40.9 bilion kepada RM203.0 bilion pada Januari 2022. Kedua-dua eksport dan import mencatatkan pertumbuhan dua digit masing-masing pada 23.5 peratus dan 26.4 peratus, dengan eksport direkodkan pada RM110.7 bilion dan import pada RM92.3 bilion, menghasilkan lebihan dagangan bernilai RM18.4 bilion. Ini adalah lebihan dagangan yang ke-20 bulan berturut-turut direkodkan sejak April 2020. Eksport yang lebih tinggi dipacu oleh barang Elektrik dan elektronik (E&E), Minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Produk petroleum bertapis yang secara kumulatif menyumbang 54.5 peratus.

Melihat kepada pengukuran output sebenar mengikut industri, IPP meningkat 4.3 peratus pada Januari 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, terutamanya disumbangkan oleh kenaikan 6.8 peratus dalam indeks Pembuatan. Pertumbuhan tersebut disokong oleh industri berorientasikan eksport dan berorientasikan domestik dengan pertumbuhan masing-masing 6.7 peratus dan 7.0 peratus. Komponen lain bagi IPP yang mencatatkan peningkatan adalah indeks Elektrik (7.7%) manakala indeks Perlombongan menyusut 5.1 peratus. Sementara itu, nilai jualan sektor pembuatan berkembang 13.1 peratus (Disember 2021: 15.5%) berbanding RM139.0 bilion pada bulan yang sama 2021, dipacu oleh Produk makanan, minuman & tembakau, Produk petroleum, kimia, getah & Plastik dan Produk Elektrik & Elektronik. Perdagangan Borong & Runcit yang merupakan penyumbang terbesar kepada sektor perkhidmatan Malaysia mencatatkan jualan RM120.5 bilion pada Januari 2022 dengan pertumbuhan 7.7 peratus tahun ke tahun, terutamanya disumbangkan oleh jualan dalam subsektor Perdagangan Runcit. Di samping itu, Perdagangan Borong dan Kenderaan Bermotor juga mencatatkan peningkatan berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Dari sudut harga, IHP Malaysia pada Januari 2022 meningkat 2.3 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya dipengaruhi oleh kesan asas walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding 3.2 peratus pada Disember 2021. Walau bagaimanapun, peningkatan IHP kekal di atas kadar purata inflasi Malaysia dari 2011 hingga Januari 2022 yang berada pada 1.9 peratus. Peningkatan inflasi didorong terutamanya oleh peningkatan Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Sementara itu, IHPR pengeluaran tempatan, melonjak 9.2 peratus pada Januari 2022 terutamanya didorong oleh peningkatan indeks Perlombongan dan indeks Pertanian, perhutanan & perikanan.

